

**THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS**  
**(INSTITUT AKAUNTAN AWAM BERTAULIAH MALAYSIA)**



## KERATAN AKHBAR

<b>PENERBITAN</b>	:	Bernama (Wireless)
<b>SEKSYEN</b>	:	Utama - Berita
<b>TARIKH</b>	:	19 Jun, 2009
<b>TAJUK</b>	:	Cabaran Terbesar Ialah Mengembalikan Kestabilan, Keyakinan Dalam Pasaran Modal

---

KUALA LUMPUR, 19 Jun, 2009- Langkah mengembalikan kstabilan dan keyakinan dalam pasaran modal adalah cabaran terbesar sekarang ini, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wira Chor Chee Heung.

"Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah strategik untuk menaikkan ekonomi, mengekalkan kestabilan kewangan, memudahkan pembangunan pasaran bagi mengukuhkan keyakinan rakyat dan meringankan bebanan," kata Chor.

"Saya berkeyakinan, secara bersama, kita akan berupaya menghadapi kesukaran persekitaran yang mencabar ini," katanya semasa menyampaikan ucaptama di majlis makan malam Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) ke-51 di sini Jumaat.

Chor berkata akar umbi kepada krisis ekonomi global telah dijejaki berpunca dari kawal aturan korporat yang buruk, kekurangan ketelusan di dalam prosedur perdagangan, instrumen kewangan dan kedudukan kunci kira-kira institusi kewangan utama yang telah merangsang kegagalan pasaran.

"Kawal aturan modal yang lemah dan peraturan perakaunan telah menyumbang kepada pertambahan risiko terhadap bank," kata Chor.

Tambahan pula, katanya sesetengah agensi penarafan juga terkecuali daripada bidang kuasa kawal aturan sesuatu negara.

"Di dalam konteks cabaran domestik dan antarabangsa, profesyen perakaunan

mempunyai peranan penting untuk dimainkan di dalam masa mencabar ini," kata Chor.

"Oleh kerana profesyen itu berkait rapat dengan prasarana kewangan negara ini, respons segera terhadap sesuatu isu yang muncul dari krisis semasa perlu untuk mengekalkan integriti dan keyakinan di dalam sistem dan pasaran kewangan," katanya.

Apabila pasaran modal menjadi semakin berkait rapat dengan persekitaran global, perpindahan dari standard pelaporan kewangan Malaysia kepada standard pelaporan kewangan antarabangsa (IFRS) akan membantu perniagaan Malaysia berada pada persaingan sama rata dengan rakan antarabangsa mereka.

Lembaga Standard Perakaunan Malaysia akan memastikan Malaysia mematuhi sepenuhnya dengan IFRS menjelang Januari 2010.

Pada majlis makan malam itu, Senator Tan Sri Amirsham A. Aziz telah dianugerahi Anugerah Presiden 2009 oleh MICPA.